



"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

ASPIRASI

Edisi 2/2025

(April - Jun)

**MAPT KE-44
BERLANGSUNG
DENGAN**

Lancar
**6% KADAR DIVIDEN
2024**

**PMS LESTARI DAMAR BERKAT
KPF PERKASAKAN EKONOMI PENEROKA**



Penaung
Sakinah Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Penasihat
Anuar Hassan
Divisyen Pengurusan & Perkhidmatan



Ketua Editor
Atiqah Ya'acob



Penulis
Mohd Fikrie Azlan



Visual & Media
Ahmad Yusri Yusoff



Grafik & Visual
Farhan Akmal Parsi



Media & Perhubungan Awam
Salmiah Ahmad Tahir



Grafik & Media
Muhammad Izzat Che Baharun

SOROTAN BERITA

- **MAPT KE-44 BERLANGSUNG DENGAN LANCAR** 4
- **TAHNAH ANGGOTA LEMBAGA SESI 2025/2026 KPF, KADAR DIVIDEN 6%** 5
- **PMS LESTARI DAMAR BERKAT KPF PERKUKUH EKONOMI KOMITMEN URUSNIAGA SAWIT** 6
- **KPF LAKSANA PELAN RASIONALISASI CATAT PRESTASI MENINGKAT** 20
- **AR RAHNU KPF TAWAR PEMBIAYAAN BERCAGAR EMAS MUDAH & PATUH SYARIAH** 21

Kpf Rasmi

KPF DEKAT DI HATI MELALUI PERANAN MEDIA SOSIAL

kpfrasmi

RSS !

kpfrasmi

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

o_o

SEARCH

LIKE

SEARCH

SHARE

ASPIRASI DARIPADA PENGGERUSI

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT buletin Aspirasi edisi kedua tahun 2025 rangkuman berita April hingga Jun berjaya diterbitkan. Semoga ia menjadi medium penyampaian informasi yang sahih dan telus serta menghubungkan koperasi bersama seluruh anggotanya.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak khususnya perwakilan yang menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44 pada 26 Jun lalu. Dalam mesyuarat tersebut, KPF mengumumkan agihan dividen 6 peratus bagi tahun kewangan 2024, sekali gus membuktikan kedudukan kewangan koperasi yang semakin kukuh dan menambah keyakinan pemegang taruh.

KPF turut komited menyokong agenda pemerkasaan ekonomi peneroka melalui kerjasama strategik bersama FELDA. Antara usaha terbaharu ialah pelaksanaan Pusat Mengumpul Sawit (PMS) dengan peluncuran PMS Lestari di Felda Bukit Damar yang dijenamakan sebagai Damar Berkat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada generasi baharu FELDA yang telah mengharumkan nama Malaysia dengan pencapaian pingat emas dalam International Festival of Wind Orchestra 2025 yang telah diadakan di Prague, Republik Czech.

Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terus berusaha dan menyokong KPF dalam membangunkan koperasi. Semoga usaha kita mencapai matlamat dan membawa berkat.

Wassalam.

YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris
Pengerusi



WARKAH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Segala puji kepada Allah SWT kerana mengizinkan kita meneruskan kehidupan dan memberikan yang terbaik dalam membangunkan koperasi yang kita sayangi ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada barisan Lembaga bagi tahun 2025/2026 yang dilantik pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan yang lalu. Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada mantan Lembaga atas sumbangan dan perkhidmatan yang dicurahkan selama ini. Jasa dan bakti mantan Lembaga akan terus dikenang dan dijadikan pemangkin kepada usaha memajukan KPF. Insya-Allah.

Alhamdulillah, KPF juga telah mencatatkan peningkatan dalam agihan dividen kepada anggotanya pada kadar yang lebih daripada tahun sebelumnya. Hal ini membuktikan pengukuhan ekonomi dan keberkesanan strategi yang telah dirangka oleh Lembaga dan pengurusan. Besarlah harapan saya agar pemegang taruh kembali dengan kepercayaan dan keyakinan kepada barisan Lembaga dan pengurusan dalam menerajui koperasi agar kita boleh terus berusaha memajukan koperasi.

Akhir kata, semoga buletin Aspirasi ini terus menjadi wadah penyampaian komunikasi berkesan kepada pemegang taruh dan penjenamaan KPF sebagai koperasi terbaik negara.

Terima Kasih.

Puan Sakinah Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



MAPT KE-44 BERLANGSUNG DENGAN Lancar



KUALA LUMPUR, 26 Jun 2025 – Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44 (MAPT Ke-44) Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad berlangsung dengan lancar di Pusat Konvensyen MPAJ Taman Melawati, Kuala Lumpur.

Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek telah merasmikan MAPT Ke-44 yang dihadiri seramai lebih 1,200 perwakilan dari seluruh negara secara fizikal dan atas talian melalui aplikasi Zoom.



Turut hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif Interim Suruhanjaya Koperasi Malaysia, YBrs. Tuan Haji Azam Sulaiman dan pegawai-pegawai kanan SKM Wilayah; Timbalan Pengarah Besar Perladangan FELDA, YBrs. Encik Izham Mustaffa.

MAPT Ke-44 telah dipengerusikan oleh Pengerusi KPF yang juga merupakan Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris.

Tahmiah

ANGGOTA LEMBAGA SESI 2025/2026 KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD



PENGERUSI

SETIAUSAHA

BENDAHARI

(Dari kiri) Mohd Helmi Fakhzan Abd Wahab; YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad; Hasrin Ismail; YBhg. Dato' Muhammad Rizal Abdul Rahim; Ahmad Syaarani Azulan (**Setiausaha**); YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris (**Pengerusi**); Iswanie Tormodi (**Bendahari**); YBhg. Dato' Ramli Ismail; Hasbullah Muhammad; YBrs. Dr. Mohd Faisal Mustaffa; Sulong Jamil Mohamed Shariff; Zaid Sidek

6%

KADAR DIVIDEN 2024
JUMLAH AGIHAN
RM 129 JUTA



PUSAT KONVENSYEN MPAJ,
TAMAN MELAWATI, KUALA LUMPUR



@kpfirasmi



www.kpf.my



PMS LESTARI Damar Berkat

KPF PERKUKUH KOMITMEN DALAM URUS NIAGA SAWIT PENEROKA

FELDA BUKIT DAMAR, 17 April 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) menyertai pelaksanaan Pusat Mengumpul Sawit (PMS) Lestari Damar Berkat, dilancarkan oleh Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek bagi memperkukuh rantai nilai sawit dan memodenkan sektor perladangan.

Sebagai agen tunggal rasmi FELDA, KPF memastikan pengurusan pembelian buah tandan segar (BTS) dilakukan secara telus, berstruktur dan berintegriti. PMS Lestari memudahkan kutipan, mempercepatkan bayaran, menjamin ketepatan timbangan dan mengurangkan risiko manipulasi harga.

Kemudahan ini menjimatkan masa peneroka, mengurangkan keperluan penghantaran ke lokasi jauh dan menyokong pengurusan sawit yang lebih sistematik serta mampan.

Majlis dihadiri oleh Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, YBr. Encik Sulong Jamil Mohamed Shariff; Pengarah Besar FELDA, YBhg. Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Osman; Timbalan Pengarah Besar Perladangan FELDA, YBr. Encik Izham Mustaffa; Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, YBr. Puan Sakinah Salleh; serta wakil pengurusan FELDA, FGV Holdings Berhad, badan belia FELDA dan kepimpinan rancangan.



PUSAT MENGUMPUL SAWIT (PMS) LESTARI
 FELDA BUKIT DAMAR, WILAYAH MEMPAGA

MODEL DAMAR BERKAT

PENCAPAIAN SELEPAS PELAKSANAAN

(SEBULAN PELAKSANAAN 18/4/2025 - 21/4/2025)



“ PMS dapat sambutan yang baik, dengan harga yang menarik yang ditawarkan oleh KPF selain proses pengurusan yang lebih cepat. ”

Mohd Amre Bin Mahat
Pengurus FELDA Bukit Damar

“ Peneroka gembira kerana dapat hantar buah yang dekat dan menjimatkan masa, semoga PMS ini akan berkembang ke Rancangan FELDA lain. Para peneroka mari ramai-ramai manfaatkan peluang daripada FELDA dan KPF ini. ”

Mushaddin Bin Ali
Ketua Peneroka
FELDA Bukit Damar



“ PMS menawarkan harga yang lebih baik dan harga yang tinggi, pembayaran mudah tunai, harapan semoga PMS dibuka di mana-mana. Terima kasih FELDA dan KPF! ”

Hj Harun Bin Hj Hussin
Peneroka FELDA Bukit Damar



230 peneroka mandiri

(daripada 518 orang) telah mendapat manfaat melalui aktiviti belian BTS - **44% penyertaan** keseluruhan.

2,515.06 metrik tan (MT)

hasil berjaya dibeli, dengan nilai keseluruhan mencecah **RM0.99 juta**.



Harga belian oleh KPF

lebih kompetitif dan adil berbanding pembeli luar yang sering menekan harga kepada peneroka.

Objektif Model Damar Berkat

- Mengawal ketirisan hasil sawit secara sistematik.
 - Memastikan rekod hasil yang tepat dan telus.
- Meningkatkan pendapatan peneroka melalui harga belian yang kompetitif.
 - Menyokong transformasi sistem kebolehejackson dan ekonomi hijau.
- Menawarkan bayaran tunai kepada peneroka dengan caj berpatutan.



KPF MEMPERLUAS MODEL OPERASI DAMAR BERKAT DENGAN ENAM LOKASI BAHARU

FELDA LOK HENG TIMUR, 12 Jun 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) memperluaskan Model Operasi PMS ‘Damar Berkat’ dengan mengenal pasti enam lokasi baharu iaitu Felda Ijok, Felda Nenering, Felda Layang-Layang, Felda Sri Ledang, Felda Kampung New Zealand dan Felda Chemplak.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, YBrs. Puan Sakinah Salleh menegaskan komitmen KPF dalam menjayakan agenda kelestarian, daya saing dan pemerkasaan ekonomi warga peneroka selaras dengan hasrat FELDA.

Model PMS Damar Berkat bertujuan menghapuskan ketirisan hasil peneroka, meningkatkan ketelusan urusan niaga dan menjamin pendapatan lebih tinggi kepada peneroka melalui sistem belian, kawalan kualiti buah tandan segar (BTS), logistik penghantaran ke kilang dan penawaran harga lebih kompetitif.

Pembentangan PMS Damar Berkat ini dibuat bersempena Majlis Anugerah Projek 25:23 di Dewan Semai Bakti Felda Lok Heng Timur, Johor yang dirasmikan oleh Pengerusi FELDA, YBhg. Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek, dan turut hadir Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF, YBhg. Dato’ Mohd Banuri Aris dan Pengerusi FGV Holdings Berhad, YBhg. Tan Sri Rastam Mohd Isa.



DEWAN SEMAI BAKTI,
FELDA LOK HENG TIMUR



KPF PLANTATION LADANG GUA MUSANG CATAT PENINGKATAN DALAM AUDIT MSPO

Cemerlang



LADANG BLAU DAN LADANG GALAS,
GUA MUSANG KELANTAN

GUA MUSANG, 14 - 15 April 2025 – Ladang Gua Musang yang dioperasikan oleh KPF Plantation Sdn. Bhd. menerima maklum balas positif daripada pihak audit selepas mencatat peningkatan prestasi dan penambahbaikan berbanding tahun sebelumnya. Lawatan audit melibatkan Ladang Blau dan Ladang Galas yang menunjukkan komitmen tinggi pihak pengurusan dalam menangani penemuan audit lalu.



Encik Azmi Adnan
Ketua Audit Trans Certification and Inspection Sdn. Bhd

Ketua Audit Trans Certification and Inspection Sdn. Bhd., YBrs. Encik Azmi Adnan, **berpuas hati dengan kelancaran proses audit, penyediaan dokumentasi yang baik serta kerjasama erat antara pihak ladang dan KPF Plantation Ibu Pejabat.** Beliau turut menghargai usaha pasukan dan pengurusan KPF Plantation dalam memastikan pematuhan standard.

Beliau menyarankan agar usaha penambahbaikan diteruskan, khususnya dalam aspek sistem pengurusan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)* bagi memastikan pengurusan ladang yang lebih mampan dan cekap. Momentum kecemerlangan ini diharap dapat dikekalkan pada masa hadapan.

Sesi audit turut disertai wakil pengurusan KPF Plantation Ibu Pejabat, yang memberi sokongan teknikal dan pemantauan sepanjang proses berlangsung.



KPF TERIMA KUNJUNGAN KOOP SAHABAT MENEROKA PELUANG KOLABORASI



MENARA FELDA,
PERSIARAN KLCC

KUALA LUMPUR, 14 April 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) menerima kunjungan hormat daripada Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat) dalam usaha meneroka peluang kolaborasi koperasi.

Pertemuan ini bertujuan untuk mengadakan perbincangan lanjut berkenaan potensi jalinan kerjasama strategik dalam memperkasa ekosistem koperasi dan komuniti.

Delegasi Koop Sahabat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tuan Haji Mazri Mahmood dan Pengurus Besar Kanan Bahagian Perkhidmatan Kewangan, Encik Saifuddin Sulaiman.

Kunjungan hormat ini disambut oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris. Turut hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh dan pengurusan kanan KPF.



LANCAR KEMPEN INTEGRITI

DEWAN PERDANA FELDA,
KUALA LUMPUR

INTEGRITI
BERMULA
DARIPADA



KPF KOMITED TINGKAT TADBIR URUS BERINTEGRITI

KUALA LUMPUR, 21 Mei 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) memperkukuh komitmen memartabatkan budaya integriti melalui Program Perkongsian Ilmu Pencegahan Rasuah dan Salah Laku Integriti bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kempen Integriti Kumpulan KPF 2025 turut dilancarkan secara rasmi oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, disaksikan lebih 60 peserta daripada pengurusan KPF dan Syarikat Kumpulan di Dewan Perdana FELDA. Beliau menegaskan integriti wajar dijadikan amalan harian demi membina organisasi yang cemerlang, telus dan bebas rasuah.

Program ini turut menampilkan Ketua Cawangan Pendidikan Masyarakat SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Puan Zairinhani Zulkifly yang memberi penerangan dan panduan praktikal memperkukuh sistem etika kerja serta pelaporan integriti.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh, Pengarah Eksekutif Pelaburan & Perniagaan, Encik Zaffary Ab Rashid, Ketua-ketua Syarikat Kumpulan, Ketua-ketua Jabatan dan barisan pengurusan kumpulan.



Majlis

RAMAH MESRA ERATKAN HUBUNGAN STRATEGIK KPF DAN PBKF

BANDAR BARU BANGI, 22 April 2025 – Persatuan Bekas Kakitangan FELDA Malaysia (PBKF) telah menganjurkan Majlis Ramah Mesra bersama ahli persatuan sebagai aktiviti mengeratkan hubungan sesama ahli. Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) turut sama hadir bagi memberi penerangan perkembangan semasa koperasi dan mengeratkan hubungan strategik.

Yang Dipertua PBKF, YBhg. Datin Nursiah Sulaiman merakamkan penghargaan atas kerjasama erat kedua-dua pihak serta menegaskan komitmen PBKF sebagai platform informasi dan kebajikan untuk ahli yang juga anggota KPF.

Majlis turut dihadiri Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris bersama anggota Lembaga KPF dan pengurusan.



HOTEL TENERA,
BANGI



@kpfirasmi



www.kpf.my

KPF MERIAHKAN KONSERT *Desaku* MENDUNIA



KUALA LUMPUR, 27 – 28 Mei 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) memeriahkan Konsert *Desaku Mendunia Dari Trolak Ke Prague* melalui penyertaan pameran sebagai sokongan kepada MARESMAF Wind Orchestra (MAWO) yang majoritinya terdiri daripada Generasi Baharu FELDA.

Beberapa syarikat subsidiari KPF seperti KPF Niaga Sdn. Bhd, Hotel Tenera, FELDA D'Saji Sdn. Bhd. dan KPF Trading Sdn. Bhd. turut menjayakan pameran tersebut bersama Sustainable Future Sdn. Bhd.

Konsert dua hari ini menjadi platform MAWO memperlihatkan bakat Generasi Baharu FELDA dalam muzik serta persiapan untuk mewakili Malaysia di International Festival of Wind Orchestra pada 20 dan 21 Jun 2025 di Prague, Republik Czech. Program ini telah berlangsung di Auditorium Seri Angkasa, Angkasapuri, RTM Kuala Lumpur.

Perasmian disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Turut hadir daripada KPF adalah Pengerusi KPF yang juga Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh.



AUDITORIUM SERI ANGKASA,
RTM KUALA LUMPUR



@kpfasmis



www.kpf.my

KPF SERTAI PROGRAM *Korban Berkat* KUMPULAN FELDA 2025

KUALA LUMPUR, 10 Jun 2025 – Sebagai tanda komitmen terhadap nilai kebersamaan dan tanggungjawab sosial, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah menyertai Program Korban Berkat Kumpulan FELDA 2025 di Anjung FELDA, Kuala Lumpur.

Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang melibatkan penyembelihan 19 ekor lembu dengan penyertaan seramai 22 wakil petugas KPF dan syarikat subsidiari serta organisasi di bawah Kumpulan FELDA.

Majlis diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Pengarah Besar FELDA, YBhg. Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Osman, Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh.



ANJUNG FELDA,
KUALA LUMPUR



@kpfirasmi



www.kpf.my

KPF SUMBANG QURAN MINI SEBAGAI TANDA SOKONGAN

BANDAR BARU BANGI, 15 Jun 2025 – Sebagai tanda sokongan kepada generasi baharu FELDA yang terlibat dalam bidang seni muzik yang akan bertanding di pertandingan orkestra antarabangsa di Praque Republic Czech, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah menyumbangkan al-Quran mini kepada Maremaf Wind Orchestra (MAWO) sebagai cenderahati kenang-kenangan.

Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF yang juga YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris berkata, penyertaan MAWO dalam pertandingan orkestra antarabangsa di Prague Republic Czech bukan sekadar mengharumkan nama Malaysia, malah membawa identiti FELDA sebagai duta nilai dan jati diri.

Beliau turut menzahirkan rasa bangga atas persembahan cemerlang generasi baharu FELDA dalam Konsert Desaku Mendunia yang berlangsung pada 27 dan 28 Mei lalu. Menurutnya, usaha ini membuktikan bakat dan potensi besar anak-anak FELDA dalam bidang muzik.

Sumbangan KPF itu telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh semasa Majlis Makan Malam Pelepasan Pasukan MAWO Ke Prague di Dewan Bankuet, Institut Semarak FELDA. Majlis tersebut turut dihadiri oleh anggota Lembaga KPF yang juga pengurusan kanan FELDA, YBhg. Dato' Muhammad Rizal Abdul Rahim.



INSTITUT SEMARAK FELDA,
BANDAR BARU BANGI



@kpfirasmi



www.kpf.my

KPF PRIHATIN, SANTUNI 9 KELUARGA PENEROKA FELDA UMAS SEMPENA MINI KARNIVAL MADANI



FELDA UMAS, WILAYAH SAHABAT SABAH, 16 – 17 Mei 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) menyantuni warga FELDA UMAS melalui Program Ziarah Kasih MADANI yang diadakan sempena Mini Karnival MADANI Hari Peneroka 2025.

Program ini menzahirkan komitmen KPF dalam memelihara kebajikan komuniti peneroka melalui pendekatan inklusif dan penuh kasih sayang, seiring dengan semangat Madani.

Sebanyak sembilan buah rumah peneroka telah diziarahi, dengan sumbangan barangan keperluan diberikan bagi meringankan beban harian dan sebagai tanda keprihatinan KPF.

Selain itu, Kumpulan KPF turut memeriahkan karnival melalui reruai pameran produk dan perkhidmatan. Turut hadir adalah Pengarah Besar FELDA, YBhg. Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Osman; Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh; serta Ketua Pegawai Eksekutif FIC, Encik Muhammad Fitri Othman.

FELDA UMAS,
WILAYAH SAHABAT, SABAH



@kpfrasmii



www.kpf.my

Ziarah Kasih MADANI KPF BERSAMA WARGA FELDA TUNGGAL

BANDAR PENAWAR, JOHOR BAHRU, 27 Jun 2025 – Kebersamaan bersama FELDA terus dizahirkan oleh Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) yang turut serta dalam program Ziarah Kasih FELDA Prihatin bersempena sambutan Hari Peneroka Madani Negeri Johor.

Program tersebut menyasarkan pemberian sumbangan berupa barangan keperluan kepada 20 pesakit di Felda Adela, Felda Tunggal, Felda Kledang dan Felda Sening.

Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris telah berbesar hati menyertai rombongan program berkenaan dan menyerahkan sumbangan.



**BANDAR PENAWAR,
JOHOR BAHRU**



@kpfasm



www.kpf.my



KPF MERIAHKAN *Hari Peneroka* FELDA TRIANG 3

FELDA TRIANG 3, PAHANG, 19 Mei 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) turut memeriahkan Mini Karnival MADANI Triang 3 sempena sambutan Hari Peneroka 2025 dengan membuka reruai pameran yang menampilkan peranan KPF dalam memacu kesejahteraan warga peneroka.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang turut melawat reruai KPF bersama syarikat kumpulan seperti KPF Niaga, Hotel Tenera, rakan strategik Prodata dan syarikat bersekutu Sustainable Future Sdn. Bhd. (SFSB).

Selain pameran, KPF juga menyertai Program Ziarah Kasih dengan menyumbangkan makanan kepada penerima terpilih sebagai tanda keprihatinan, sekali gus mencerminkan komitmen KPF dalam mendekati komuniti FELDA dan menyemarakkan semangat Madani.



KUMPULAN KPF Semarakkan

KARNIVAL HARI PENEROKA FELDA MADANI JOHOR 2025



KOMPLEKS KOMUNITI FELDA TUNGGAL, BANDAR PENAWAR JOHOR



BANDAR PENAWAR, JOHOR BAHRU, 26 – 29 Jun 2025 – Kumpulan KPF telah memeriahkan Karnival Jualan dan Pameran Jualan Madani Koperasi yang berlangsung selama 3 hari di Kompleks Komuniti Felda Tunggal, Bandar Penawar, Johor Bahru.

KPF dengan penyertaan daripada syarikat subsidiarinya iaitu KPF Niaga Sdn. Bhd. dan KPF Hotel Management Sdn. Bhd. bersama syarikat bersekutu KPF iaitu Sustainable Future Sdn. Bhd. turut serta sebagai pempamer.

Pelbagai aktiviti menarik seperti jualan dan pameran produk dan perkhidmatan selain 'spin and win' yang mendapat sambutan hangat daripada warga peneroka dan pengunjung yang hadir.



SOROTAN SIDANG MEDIA KHAS

KPF Laksana Pelan Rasionalisasi : CATAT PRESTASI MENINGKAT



KUALA LUMPUR, 16 Mei 2025 – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah mengadakan sidang media khas bagi memberi penjelasan yang telus serta maklumat terkini berhubung pencapaian prestasi KPF dan pelaksanaan pelan rasionalisasi KPF.

Antara intipati utama sidang media termasuk kejayaan KPF menstruktur semula aset bernilai RM4 bilion, peningkatan prestasi kewangan semasa, jumlah permohonan dan bayaran pengeluaran syer yang terus diproses, serta komitmen berterusan KPF untuk menyelesaikan tunggakan secara berperingkat bagi memastikan kepentingan anggota terus terpelihara.



Sidang media rasmi yang diadakan ini telah mendapat liputan meluas berita di pelbagai portal arus perdana dan alternatif

Sidang media tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris dan turut dihadiri oleh Anggota Lembaga KPF bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, Puan Sakinah Salleh, serta Ketua-Ketua Jabatan KPF. Turut hadir ialah pasukan daripada Jabatan Komunikasi Strategik FELDA.

RESTORAN SERI KUNYIT,
 FELDA D'SAJI KUALA LUMPUR



Ar Rahnu KPF Tawar pembiayaan bercagar emas *Mudah & Patuh Syariah*

Koperasi Permodalan FELDA (KPF) menawarkan kemudahan pajakan Islam Ar Rahnu yang pantas, mudah dan patuh syariah kepada seluruh warga Malaysia.

Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan mendapatkan tunai dalam tempoh yang singkat dengan caj upah simpan yang kompetitif. Barang kemas pelanggan turut dijamin selamat sepanjang tempoh pajakan.

Dengan 38 cawangan di seluruh Malaysia, kami komited membantu pelanggan yang memerlukan penyelesaian kewangan segera, terutamanya dalam situasi mendesak atau untuk apa-apa keperluan.

Maklumat lanjut serta senarai cawangan boleh didapati di laman sesawang rasmi KPF, www.kpf.my.



“**Suasana di Ar-Rahnu KPF selesa, berhawa dingin dan selamat, dengan ruang menunggu yang baik. Pelanggan dilayan mesra dan profesional, manakala urusan gadaian disiapkan dengan cepat.**”

Nurul Aini Zakaria
Ketua Jabatan Perkhidmatan
Ar Rahnu



38
CAWANGAN



KPF DI LENSA MEDIA

Sinar

Pertumbuhan positif prestasi kewangan KPF

BERITA KPF

01 JUN 2025 10:15am

3 MONTHS AGO

FMT Reporters



KOSMO!

Satu Platform, Semua Berita.

Koperasi Permodalan FELDA umum dividen 6.0%, agih RM129 juta kepada anggota

02/07/2025

Agih RM129 juta kepada 253,371 anggota di seluruh negara



SUARA.TV

Koperasi Permodalan Felda umum dividen 6 peratus, aset tak berpotensi distruktur semula

02/07/2025

By Janatul Firdaus Yusoff



KPF umum dividen 6%

3 MONTHS AGO

FMT Reporters

Dividen tahun lalu itu menubuhkan pembayaran berjumlah RM129



Malaysia Tribune

KPF umum dividen enam peratus catat keuntungan tertinggi dalam sejarah

BERITA SEMASA

BUSINESS & EKONOMI



MalaysiaGazette

Permohonan pengeluaran dividen KPF dibuka hingga 29 Julai ini

02 July 2025

English Malay 中文 Arabic Español ગુજ



KPF Umum Dividen 6% untuk Tahun Kewangan 2024, Libatkan Agihan RM129 Juta kepada Lebih 250,000 Anggota



KOSMO!

Satu Platform, Semua Berita.

KPF terima 29,159 permohonan pengeluaran syer bernilai RM691.58 juta

12 May 2025



MalaysiaGazette

KPF jual aset, teliti semula pelaburan untuk pulih aliran tunai

12 May 2025



UTVmedia

KPF Laksana Pelan Rasionalisasi, Catat Prestasi Meningkatkan & Komited Tunaikan Permohonan Pengeluaran Syer

12 May 2025





TENERA

HOTEL & SUITES



TENERA
HOTEL & SUITES

LADIES

Hi-Tea

Saffron Brasserie
Restaurant Level 2,
Main Tower

Every Friday | 12.00pm
until 3.30pm

Ladies
RM 68+

Children /
Senior Citizen
RM 48+

+603 8929 9600 | www.tenerahotel.com.my
Persiaran Kemajuan, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan



TENERA
HOTEL & SUITES

SAFFRON BRASSERIE

Cahaya & Rasa

Hi Tea

RM88+
ADULT

MONDAY, 20TH OCTOBER
12PM - 4PM

RM48+
SENIOR / CHILD

+603 8929 9600 | www.tenerahotel.com.my
Persiaran Kemajuan, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Santai
BERSAMA
CITARASA ISTIMEWA

LAYARI

www.tenerahotel.com.my



@kpfrasmii



www.kplf.my

JOM SINGGAH ISI DI STESEN MINYAK MILIK **KPF NIAGA** BERDEKATAN ANDA



HARGA

RM1.99 / liter
untuk warganegara*

RM2.60 / liter
untuk bukan warganegara

SYARAT

- MyKad
- Lesen memandu sah



www.kpfniaga.com | [f](#) [v](#) [i](#) [d](#) [kpfniaga](#)

TERBITAN:



JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD